

Headline	Laporan TNB menang emas ARA		
MediaTitle	Kosmo		
Date	15 Sep 2021	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Niaga	Page No	37
ArticleSize	241 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,762		



## Laporan TNB menang emas ARA


**PETALING JAYA** – Laporan Tahunan Integrasi Tenaga Nasional Berhad (TNB) mendapat Anugerah Emas Australasian Reporting Awards (ARA) 2021 pada majlis yang diadakan secara maya baru-baru ini.

Kejayaan TNB tersenarai sebagai penerima Anugerah Emas bersama 69 syarikat antara-bangsa lain itu mengulangi pencapaian syarikat pada tahun 2017, 2018 dan 2020.

ARA turut meletakkan TNB sebagai pemenang Anugerah Perak bagi kategori Laporan Kelestarian (*Sustainability Reporting*) dan Anugerah Khas untuk Laporan Keselamatan dan Kesihatan Kerja (*Health & Safety Reporting*).

Dalam laporan kehakimannya, ARA menyebut Laporan Tahunan Integrasi TNB menyediakan liputan menyeluruh terhadap polisi pengurusan dan tindakan yang dilakukan bagi meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan warga kerjanya serta membina budaya keselamatan yang kukuh.

"Ya melaporkan secara jujur kemalangan yang menyebabkan kematian dan kecederaan serta langkah-langkah yang diambil



**LAPORAN** tahunan TNB yang mendapat Anugerah Emas kerana menyediakan liputan menyeluruh mengenai polisi pengurusan.

bagi mengatasinya," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Syarikat TNB, Norazni Mohd. Isa menyifatkan anugerah yang diterima sebagai bukti kepada dedikasi, kerja keras dan semangat kerjasama warga TNB bagi mendapatkan hasil yang cemerlang.

"Semangat kerjasama adalah

satu daripada enam nilai teras TNB yang berfungsi mengeratkan perpaduan antara 35,000 warga kerja TNB menuju ke arah aspirasi yang sama iaitu menjadikan TNB sebagai pembekal terunggul solusi tenaga mampan di Malaysia dan antarabangsa," jelas beliau.